

NO SOALAN : 73

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG**  
**(SIMPANG RENGAM)**  
**TARIKH : 25.3.2015**  
**(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-**

- (a) bagaimanakah bentuk program yang dirancang oleh Kerajaan dalam Program PLKN 2.0 selepas penangguhan program itu pada tahun ini yang disebabkan oleh pemotongan Bajet 2015; dan**
- (b) adakah Kerajaan akan memanggil semula mereka yang terpilih untuk PLKN 2015 ini untuk menjalani latihannya sejeurus PLKN dimulakan semula.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pada masa ini, Kementerian Pertahanan dengan kerjasama PEMANDU telah mewujudkan makmal bagi mengkaji Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang telah bermula pada 23 Februari hingga 27 Mac 2015. Kajian makmal ini akan menjurus kepada konsep baru PLKN yang akan menjalinkan keperluan kemahiran dan kenegaraan. Justeru itu bentuk program PLKN 2.0 akan dimuktamadkan setelah selesai kajian makmal serta rundingan lanjut dari pihak-pihak yang berkaitan.**

**Pihak Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) akan membuat pengambilan pelatih yang telah terpilih untuk PLKN 2015 bagi menyertai program akan datang.**